



AMMAR ZAKRI menunjukkan kupang yang dikutip di kawasan ternakan kupang di Pangkalan Nelayan Telok Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson.



AMIRUL BAHARIZA, 23, membersihkan kupang yang telah dikutip sebelum dijual kepada pelanggan di sekitar Pasir Panjang, Port Dickson.

Keunikan menternak kupang di Port Dickson



PERALATAN khas digunakan untuk menyimpan kupang yang berjaya dikutip di kawasan ternakan kupang.

SELAIN memiliki pantai yang cantik dan diiktiraf sebagai antara pusat pelancongan paling popular di Malaysia, Port Dickson juga bakal melonjak sebagai 'lubuk' kepada aktiviti penternakan kupang dan tiram.

Sesuatu yang menarik ialah proses penternakan kupang dan tiram di Port Dickson hanya menggunakan kayu yang dipacak untuk dijadikan habitat pembibian, berbeza dengan teknik yang digunakan di tempat lain.

Biasanya, kupang sesuai dibuat sambal atau digoreng, selain dimasak bersama spaghetti. Tiram pula biasanya dibakar atau dimakan segar secara mentah.

Keunikan penternakan itu menyebabkan kerajaan Negeri Sembilan merancang untuk menyediakan satu pakej bagi membolehkan pelancong melihat sendiri proses ternakan kupang dan 'tiram khususnya di Pasir Panjang, Port Dickson.

Lensa Ahad

Aktiviti melawat penternakan kupang di Port Dickson telah mula mendapat permintaan, terutamanya daripada pelancong luar negara seperti pelancong China.

Terdapat sebuah kawasan dikenali sebagai Pulau Masjid di Pasir Panjang dan beberapa kawasan sejarah lain yang berpotensi untuk diteroka sebagai produk pelancongan baharu di Port Dickson.

Bagi ruangan Lensa Ahad minggu ini, jurugambar MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN sempat merakam beberapa momen mengenai proses ternakan kupang dan tiram di Pasir Panjang, Port Dickson.



AMMAR ZAKRI BAHARIZA, 7, ceria mengumpul kupang di kawasan ternakan kupang.

MOHAMMAD ARIFF ARIFFIN, 60, mengutip ternakan kupang yang menjadi sumber rezeki kepada keluarganya.



PROSES penternakan kupang dan tiram di Pangkalan Nelayan Telok Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson memerlukan kayu dipacak di dalam air untuk dijadikan habitat pembibian.